CONFIDENTIAL

# UNIVERSITI KUALA LUMPUR
## MALAYSIAN INSTITUTE OF MARINE ENGINEERING TECHNOLGY

## FINAL EXAMINATION
### JANUARY 2016 SEMESTER

| | | |
|---|---|---|
| COURSE CODE | : | MPW 1133 |
| COURSE NAME | : | PENGAJIAN MALAYSIA |
| PROGRAMME NAME<br>(FOR MPU: PROGRAMME LEVEL) | : | DIPLOMA |
| DATE | : | 30 MAY 2016 |
| TIME | : | 08.00 AM – 11.00 AM |
| DURATION | : | 3 HOURS |

## INSTRUCTIONS TO CANDIDATES

1. Please CAREFULLY read the instructions given in the question paper.
2. This question paper has information printed on both sides of the paper.
3. This question paper consists of TWO (2) sections; Section A and Section B.
4. Answer ALL questions in Section A. For Section B, answer THREE (3) questions.
5. Please write your answers on the OMR answer script and answer booklet provided.
6. Answer all questions in Bahasa Malaysia ONLY.

THERE ARE 10 PAGES OF QUESTIONS, INCLUDING THIS PAGE.

**BAHAGIAN A (Jumlah: 25 markah)**

**ARAHAN: Jawab SEMUA soalan.**

**Sila gunakan kertas jawapan yang disediakan.**

1. Menurut teori hubungan kaum, integrasi terendah ialah `segregasi` dan integrasi tertinggi pula ialah,

   A. Pluralisme ubahsuaian C. Amalgamasi
   B. Akulturasi D. Asimilasi

2. Budaya Kebendaan adalah seperti berikut kecuali,

   A. Pembuatan Tanglung C. Anyaman Tikar Mengkuang
   B. Tenunan Songket D. Upacara Bersanding

3. Dalam menuntut tahta di Perak pada abad ke 19, semua tokoh berikut cuba menuntut takhta kerajaan Perak kecuali,

   A. Raja Yusof C. Raja Ismail
   B. Raja Mahadi D. Raja Abdullah

4. Antara tokoh berikut, yang manakah merupakan tokoh perjuangan di negeri Pahang?

   A. Rentap C. Banting
   B. Antanum D. Tok Gajah

5. Kebangkitan semangat kebangsaan di kalangan penduduk tempatan juga dipengaruhi oleh perkembangan pengaruh luar seperti berikut kecuali,

   A. Gerakan nasionalis di Negara Thailand menentang kemasukan kuasa Barat
   B. Perjuangan nasionalis Indonesia menentang Belanda
   C. Gerakan pemulihan Islam di Mesir
   D. Kejayaan Jepun mengalahkan Rusia dalam Perang Rusia-Jepun

6. Antara penyataan berikut,yang manakah benar tentang sebab-sebab kebangkitan orang Melayu menentang Malayan Union pada tahun 1946,

   i. Perlembagaan Malayan Union digubal tanpa mengambil kira pandangan orang Melayu terlebih dahulu
   ii. Raja-raja Melayu kehilangan kedaulatan dan kuasa politik
   iii. Kerajaan British bertindak menahan pemimpin Melayu yang mengetuai kebangkitan rakyat menentang Malayan Union
   iv. Sir Harold Mac Michael menggunakan ugutan supaya Raja-raja bersetuju dengan Malayan Union

   A. i dan ii
   B. i, ii dan iii
   C. i, ii dan iv
   D. Semua yang di atas

7. Pernyataan di bawah adalah benar tentang sebab utama penentangan ke atas Malayan Union kecuali,

   A. Kedaulatan raja-raja akan tergugat dan hanya berfungsi sebagai ketua adat dan agama sahaja
   B. Pemberian hak kerakyatan yang bebas kepada kaum bukan Melayu sekaligus menjejaskan hak keistimewaan mereka
   C. Malayan Union digubal dengan mengambil kira pandangan daripada orang Melayu
   D. Orang Melayu tidak suka dengan cara kasar dan peras ugut Harold MacMichael ketika mendapatkan persetujuan daripada Raja-raja Melayu

8. 
- Kedudukan istimewa orang Melayu dijamin
- Prinsip demokrasi diamalkan
- Memastikan kedudukan sah penduduk Melayu

Penyataan di atas merujuk syarat yang ditetapkan oleh,

A. Suruhanjaya Reid
B. Malayan Union
C. Dewan Rakyat
D. Suruhanjaya Cobbold

9. Antara negeri berikut yang manakah menjadi tuntutan kerajaan Filipina ketika proses penubuhan Malaysia sedang diusahakan?

A. Sabah
B. Sarawak
C. Brunei
D. Singapura

10. Antara berikut yang manakah berkaitan dengan perkara yang mengancam negara?

I. Melakukan kegiatan rasuah
II. Kegiatan Along atau ceti haram
III. Menyebarkan risalah tentang jualan murah
IV. Menyebarkan agama sesat seperti menggelar diri sebagai nabi

A. I dan II
B. I dan IV
C. II dan IV
D. III dan IV

- Memindahkan penduduk yang tinggal di pinggir hutan ke kampung-kampung baharu
- Memperkenalkan kad pengenalan kepada mereka yang berumur 12 tahun ke atas
- Mengistiharkan perintah berkurung di kawasan hitam

11. Penyataan di atas merujuk kepada usaha kerajaan British untuk,

A. Mengawal penentangan orang Melayu terhadap rancangan Malayan Union
B. Membendung dan menghapuskan pemberontakan kominis pada zaman darurat
C. Mengawasi penduduk tempatan yang menjadi tali barut tentera Jepun
D. Mengawal konfrontasi yang dilancarkan oleh kerajaan Indonesia

12. Antara faktor berikut yang manakah bukan pandangan Tunku Abdul Rahman dalam pembentukan Malaysia?

    A. Menyekat pengaruh komunis di Singapura

    B. Mempercepat kemerdekaan dan memajukan ekonomi Sabah dan Sarawak

    C. Mengimbangi komposisi kaum antara Melayu dengan Cina

    D. Untuk menarik perhatian dan sokongan negara luar terhadap beliau

13. Perlembagaan boleh ditakrifkan sebagai satu dokumen yang,

    A. Menentukan hak asasi rakyat

    B. Mengandungi undang-undang yang tertinggi

    C. Menentukan tanggungjawab rakyat terhadap negara

    D. Menentukan pembahagian kuasa antara badan-badan eksekutif, perundangan dan kehakiman

14. Semua pernyataan berikut adalah benar tentang konsep "Ketinggian Perlembagaan" di Malaysia kecuali,

    A. Perlembagaan Persekutuan merupakan undang-undang tertinggi negara

    B. Parlimen tidak boleh membuat undang-undang bagi perkara-perkara yang berada di luar bidang kuasanya

    C. Mahkamah mempunyai kuasa untuk membatalkan undang-undang yang didapati bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan

    D. Undang-undang yang bercanggah dengan Perlembagaan Persekutuan akan terbatal secara keseluruhannya

15. Perlembagaan Persekutuan Malaysia adalah perlembagaan bertulis yang mengandungi perkara-perkara seperti,

    I. Hak asasi rakyat.

    II. Corak pemerintahan negara

    III. Kewarganegaraan.

    IV. Undang-undang Islam.

    A. I dan II
    B. I, II dan III
    C. I dan IV
    D. Semua di atas

16. Perkhidmatan awam di Malaysia diketuai oleh,

    A. Ketua Setiausaha
    B. Ketua Menteri
    C. Ketua Setiausaha Negara
    D. Yang Dipertua

17. Kuasa tertinggi bagi ketiga-tiga badan pentadbiran di Malaysia ialah,

    A. Yang di Pertuan Agong
    B. Ketua Menteri
    C. Perdana Menteri
    D. Sultan

18. Kerajaan Persekutuan Malaysia mengamalkan sistem,

    A. Autokratik demokrasi
    B. Demokrasi bermonarki
    C. Demokrasi berparlimen
    D. Demokrasi berperlembagaan

19. Setelah Parlimen dibubarkan, siapakah yang bertanggungjawab menentukan tarikh pilihan raya?

    A. Yang Dipertuan Agong
    B. Perdana Menteri
    C. Suruhanjaya Perkhidmatan Awam
    D. Suruhanjaya Pilihan Raya

20. • Taman laut

• Jabatan Perhutanan Semenanjung

• Institut Tanah dan Ukur Negara

Agensi dan jabatan di atas berkaitan,

A. Kementerian Tenaga,Air dan Komunikasi

B. Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar

C. Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani

D. Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah

21. Antara berikut yang manakah bukan tanggungjawab Pihak Berkuasa Tempatan?

A. Menyediakan pasar

B. Mengeluarkan lesen pembalakan

C. Menjaga keindahan kawasan persekitaran

D. Mengenakan kompaun bagi kesalahan lalu lintas

22. Antara berikut perkara yang manakah hanya terkandung dalam Senarai Persekutuan?

A. Pertanian

B. Perhutanan

C. Pertahanan Negara

D. Penetapan hari cuti

23. Dasar Luar Malaysia menekankan prinsip-prinsip berikut kecuali,

A. Dasar berkecuali

B. Dasar kerjasama

C. Dasar agresif

D. Menentang dasar `Double Standard` Barat

24. "Pertubuhan ini dianggotai oleh negara-negara bekas tanah jajahan British".
Penyataan di atas adalah berkaitan dengan,

A. EAEC
B. NAM
C. PBB
D. Komanwel

25. Deklarasi Kuala Lumpur yang dikenali sebagai ZOPFAN telah ditandatangani oleh Menteri-menteri Luar ASEAN pada 27 November 1971 mengisytiharkan,

A. ASEAN sebagai kawasan aman, bebas dan berkecuali
B. ASEAN sebagai kawasan hak bersama
C. ASEAN sebagai kawasan bebas dadah
D. ASEAN sebagai pusat pendidikan

**BAHAGIAN B (Jumlah: 75 markah)**

**ARAHAN: Jawab hanya TIGA (3) soalan.**
**Sila gunakan kertas jawapan yang disediakan.**

Soalan 1

(a) Jelaskan definisi masyarakat dan huraikan dua ciri-cirinya dengan memberikan contoh-contoh yang relevan.

(10 markah)

(b) Bincangkan cara-cara beserta contoh untuk memupuk perpaduan kaum dalam konteks masyarakat majmuk yang berbilang bangsa di Malaysia?

(15 markah)

Soalan 2

(a) Namakan pihak-pihak yang telah menjajah Tanah Melayu bermula dari zaman Kesultanan Melayu Melaka sehingga terbentuknya Persekutuan Tanah Melayu 1948. Bincangkan sebab-sebab campur tangan **British** di Tanah Melayu pada pertengahan abad ke 19 hingga awal abad ke 20.

(12 markah)

(b) Huraikan kesan-kesan campur tangan tersebut di Tanah Melayu sehingga tahun 1948 serta reaksi masyarakat di Tanah Melayu terhadap penjajahan British.

(13 markah)

Soalan 3

Bincangkan proses pembentukan Malaysia 16 September 1963, reaksi dan penentangan daripada pihak-pihak yang terlibat dalam pembentukan ini.

(25 Markah)

Soalan 4

Nyatakan Ketua Negara Malaysia dan badan-badan yang mewakili jentera pentadbiran Negara serta peranannya. Huraikan tanggungjawab Yang Dipertuan Agong, Perdana Menteri dan Jemaah Menteri.

(25 Markah)

Soalan 5

(a) Huraikan Dasar Luar Malaysia mengenai objektif-objektif serta faktor-faktor pembentukannya

(10 Markah)

(b) Bincangkan 3 jenis pertubuhan antarabangsa dari segi latar belakang, objektif dan penglibatan Malaysia di dalamnya.

(15 Markah)

**KERTAS SOALAN TAMAT**